

FAKTOR EKONOMI DALAM MEMPENGARUHI KEPUTUSAN PEMILIHAN DESTINASI PENGAJIAN PELAJAR ANTARABANGSA DI LUAR NEGARA

ECONOMY FACTORS INFLUENCING INTERNATIONAL STUDENT'S DECISION OF AN EDUCATION DESTINATION ABROAD

Irma Wani Othman¹
Herlina Jupiter²
Hasbullah Awang³
Muhammad Safuan Yusoff⁴

¹Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 84000 Kota Kinabalu, Sabah, Tel: +6088320000
E-mail: iwoppib@gmail.com

¹Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan Universiti Malaysia Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan E-mail:
herina@ums.edu.my

Accepted date: 5 January 2017

Published date: 31 March 2017

To cite this document : Othman, I. W., Jupiter, H., Awang, H., & Yusoff, M. S. (2017). Faktor Ekonomi Dalam Mempengaruhi Keputusan Pemilihan Destinasi Pengajian Pelajar Antarabangsa Di Luar Negara. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 2(3), 1-8.

Abstrak: *Pengantarabangsaan Institusi Pengajian Tinggi telah menjadi keutamaan di seluruh negara dan dilihat sebagai industri yang menunjukkan perkembangan serta peningkatan major khususnya dalam Malaysia. Sejajar dengan itu, permintaan dan persaingan dalam sektor pengajian tinggi telah menjadikan pemilihan destinasi pengajian pelajar antarabangsa di luar negara sebagai salah satu kriteria utama dan penting dalam menjana pendapatan sesebuah universiti disamping mencapai matlamat untuk menjadi universiti bertaraf antarabangsa. Justeru itu, pemahaman terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan pemilihan destinasi pengajian pelajar antarabangsa amat penting dalam proses pengiktirafan status pengantarabangsaan tersebut. Kajian ini menelusuri salah satu faktor utama yang memberi impak tinggi dalam pemilihan Malaysia sebagai destinasi pengajian pelajar antarabangsa iaitu faktor ekonomi. Perbincangan ini dilaksanakan bagi melihat kepentingan memahami motivasi dan faktor ekonomi yang menjadi faktor penyebab terhadap keputusan pemilihan pelajar antarabangsa. Objektif kajian ini adalah untuk (a) mengenalpasti faktor-faktor ekonomi dalam Malaysia yang mempengaruhi keputusan pelajar antarabangsa dalam pemilihan destinasi pengajian di luar negara serta (b) mengkaji hubungkait faktor ekonomi tersebut terhadap strategi pemasaran dan peningkatan pengambilan pelajar antarabangsa di sesebuah universiti tempatan.*

Abstract: *Internationalization of higher education institutions has become a priority throughout the country and is seen as a growing industry and a major improvement specifically in Malaysia. Correspondingly, the demand and competition in the higher education sector has made the selection of international student's study destination abroad as one of the major and important criteria in generating income in while achieving the goal to become an international level university. Therefore, understanding the factors that influence the selection of international student's study destination abroad is very crucial in getting recognition of internationalization. This study examines one of the key factors that have a high-impact in influencing the selection of Malaysia as study destination for an international students which is the economic factors. The discussion is conducted to understand the importance of motivation and economic factors which became the cause of international student's study destination selection. The objective of this study is to (a) identify economic factors in Malaysia that influence international students' decision and (b) to examine the relationship between economic factors and the marketing strategy to increase the intake of international students at university.*

Keywords: International Students, Economic Factors, Study Destination Selection

Pengenalan

Peningkatan pengetahuan dipercayai telah menjadi kunci kepada kejayaan kerjaya dalam pelbagai bidang hari ini. Dalam era global masa kini pakar-pakar melihat bahawa pembelajaran di luar negara sebagai satu komponen penting dan utama untuk sesebuah negara berjaya. Menyedari tentang peningkatan persaingan global dalam generasi akan datang, kebanyakan institusi pendidikan tinggi telah meletakkan misi untuk mencapai pendidikan bertaraf antarabangsa serta menjadikan misi ini sebagai prioriti kebangsaan dan tanggungjawab akademik (Gardner, Witherell, 2005). Pembelajaran di luar negara memberikan peluang kepada pelajar untuk mengenali diri, membina keyakinan, mengenali individu baharu dan memahami budaya di tempat lain yang pastinya akan memberi impak positif kepada pelajar itu sendiri (Douglas, Jennifer, Carolyn, 2008).

Dewasa ini, kemasukan pelajar antarabangsa ke institusi pengajian tinggi tempatan telah menjadi tren popular dan secara tidak langsung telah mendorong kepada usaha peningkatan taraf ekonomi dan sosio budaya di Malaysia. Manakala, di negara-negara barat seperti Amerika Syarikat, Britain, Kanada dan New Zealand, pelajar antarabangsa dilihat sebagai sumber terbesar dalam industri eskport perkhidmatan (Khawaja, Nigar G, Stallman, Helen, 2011). Justeru itu, bagi memperkasakan akar umbi pendidikan global di Malaysia, adalah menjadi fokus utama untuk merancang strategi pengantarabangsaan serta promosi yang berkesan dan mampu mencapai matlamat untuk meningkatkan jumlah enrolmen pelajar antarabangsa. Dalam merancang strategi pengantarabangsaan, pelbagai aspek dan elemen perlu dipertimbangkan dan salah satu aspek penting yang dikenalpasti adalah faktor

penyebab yang mempengaruhi kedatangan dan keputusan pelajar untuk memilih destinasi pengajian di luar negara. Terdapat pelbagai jenis faktor yang mempengaruhi keputusan seseorang pelajar, namun di dalam kertas konsep ini, faktor ekonomi akan diteliti dan dibincangkan perkaitannya dengan strategi pengambilan serta promosi yang boleh diaplikasikan oleh universiti khususnya dan kementerian pendidikan tinggi secara amnya.

Secara umumnya, kertas konsep ini bertujuan untuk memenuhi objektif iaitu (a) mengenalpasti faktor-faktor ekonomi yang mempengaruhi keputusan pelajar antarabangsa dalam pemilihan destinasi pengajian di luar negara serta (b) mengkaji hubungkait faktor ekonomi terhadap strategi pemasaran dan peningkatan pengambilan pelajar antarabangsa di sesebuah universiti.

Kajian ini adalah berpandukan kepada persoalan berikut:-

1. Apakah faktor-faktor ekonomi yang mempengaruhi keputusan pemilihan destinasi pengajian pelajar antarabangsa di luar negara?
2. Bagaimanakah universiti dapat menggunakan pengetahuan ini untuk meningkatkan strategi dan promosi bagi meningkatkan kemasukan pelajar antarabangsa?

Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman terhadap faktor ekonomi di Malaysia yang mempengaruhi pemilihan negara dan institusi pengajian tinggi bagi pelajar antarabangsa. Antara aspek ekonomi yang dititikberatkan adalah seperti kemakmuran ekonomi negara, kadar inflasi yang rendah, kurangnya kadar pengangguran menyebabkan pemilihan Malaysia sebagai destinasi pengajian menjadi pilihan utama pelajar antarabangsa.

Skop Kajian

Skop kajian dalam kertas konsep ini adalah memfokuskan kepada pelajar-pelajar antarabangsa yang menuntut di IPTA Malaysia serta faktor-faktor berkaitan ekonomi di Malaysia yang berupaya mempengaruhi keputusan mereka dalam membuat keputusan untuk memilih serta melanjutkan pelajaran ke luar negara. Faktor-faktor ekonomi yang akan dibincangkan adalah seperti kos pengajian, kos sara hidup, peluang pekerjaan, kos perjalanan, insurans, penginapan dan kos perubatan.

Sorotan Literatur

Kajian lepas merungkaikan bahawa faktor ekonomi telah menjadi salah satu faktor utama yang mempengaruhi keputusan pemilihan destinasi pengajian seseorang pelajar di luar negara. Faktor ini meliputi kos yuran pengajian, sara hidup, penginapan, perjalanan, insurans peluang pekerjaan dan sebagainya. Kenyataan ini disokong oleh sarjana Shanka, Quintal, Taylor (2005) di mana kedudukan kewangan seseorang pelajar dikelaskan secara khusus dan spesifik sebagai pengaruh yang menjadi penyebab wajar dalam pemilihan universiti pengajian serta negara destinasi.

Pertimbangan terhadap faktor kewangan telah menjadi salah satu daripada kriteria utama pemilihan destinasi pengajian menurut sarjana Parafianowicz, (2009). Guibourg, (2011) pula meletakkan kedudukan elemen kos pembiayaan pendidikan untuk mengikuti kursus di

universiti sebagai sepuluh kedudukan faktor utama pemilihan lokasi pengajian. Turut dinyatakan bahawa ekonomi telah menjadi salah satu motif dan pengaruh yang utama dalam memotivasikan seseorang individu untuk ke luar negara (M. Safuan, Irma Wani Othman, Norazah Suki, Rudie Adie Razak, 2015). Sarjana Tharenou (2010) telah membincangkan bahawa faktor keuntungan dari segi ekonomi merupakan perkara yang sangat penting kepada setiap individu. Ekonomi memperlihatkan keupayaannya untuk memberi dan membentuk motivasi kepada seseorang dalam membuat sesuatu keputusan yang akhirnya dapat menguntungkan diri sendiri (Broman, 2000).

Manakala, pengkaji seperti Mazzarol dan Soutar (2002) mengatakan bahawa pilihan pelajar terhadap destinasi pengajian di luar negara adalah dipengaruhi oleh kos relatif. Kos pendidikan dan kos sara hidup memainkan peranan dalam pilihan pelajar antarabangsa. Sekiranya terdapat penambahan dalam kos perbelanjaan pelajar di luar negara maka mereka perlu mempertimbangkan untuk bekerja separuh masa dalam tempoh pengajian mereka.. Dalam konteks pasaran yang kompetitif bagi pendidikan tinggi antarabangsa dan berkualiti sama, semakin rendah kos perbelanjaan pengajian di sesebuah destinasi itu, semakin cenderung minat pelajar antarabangsa untuk memilih lokasi pengajian tinggi tersebut. Penyelidikan terkini telah mencadangkan bahawa kos sara hidup sebagai aspek pertimbangan yang utama (Bourke, 2000; Cubillo, Sánchez dan Cerviño, 2006) apabila pelajar membuat kewajaran dalam memilih destinasi pengajian di luar negara.

Dalam membuat keputusan dan kewajaran untuk memilih destinasi pengajian di luar negara, majoriti pelajar antarabangsa lebih cenderung untuk merasa bimbang berkaitan kedudukan kewangan mereka (Li dan Kaye, 1998; Poyrazli dan Grahame, 2007; Sherry *et al.*, 2010). Li dan Kaye (1998) juga mendapati bahawa kebimbangan kewangan merupakan salah satu kebimbangan yang paling banyak dikenalpasti dalam kalangan pelajar antarabangsa. Oleh itu, mereka mula memikirkan tentang cara atau alternatif untuk menambah sumber kewangan mereka sewaktu berada di negara pilihan.

Keadaan ini secara dasarnya berlaku disebabkan kos pengajian pelajar adalah ditanggung sepenuhnya oleh pelajar dan keluarga masing-masing. Situasi yang berbeza pula terjadi apabila pelajar mendapat sumber tajaan, geran penyelidikan daripada kerajaan atau bantuan kewangan dalam bentuk biasiswa mahupun pengecualian yuran pengajian. Douglas, Jennifer, Carolyn, (2008) dalam kajiannya menyatakan bahawa kos program pendidikan di luar negara sangat mempengaruhi keputusan pelajar dalam pemilihan destinasi pengajian. Mereka menunjukkan bahawa dengan adanya bantuan kewangan atau biasiswa dapat mempengaruhi keputusan pelajar secara keseluruhannya. Jadual.1 menunjukkan faktor ekonomi yang dikenalpasti dalam literatur yang mempengaruhi keputusan pemilihan destinasi pengajian pelajar antarabangsa.


Jadual 1: Faktor ekonomi yang dikenalpasti dalam literatur yang mempengaruhi keputusan pelajar dalam pemilihan destinasi pengajian di luar negara

Faktor ekonomi	Para Penyelidik
Kos Yuran Pengajian	Pimpa, 2003;
Kos Sara Hidup	Price, Matzdorf, Smith dan Agahi, 2003;
Peluang Pekerjaan	Maringe, 2006;
Kos perjalanan	Soo dan Elliot, 2008;
Insurans	Bodycott, 2009;
Penginapan	Eder, Smith dan Pitts, 2010;
Kos perubatan	Petruzzellis and Romanazzi, 2010

Kerangka Teoritik

Kertas konsep ini menggunakan Teori "Push-Pull" *Factors* (Faktor Penolakan dan Penarikan) daripada Mazzarol dan Soutar (2002) kerana teori tersebut telah membincangkan secara terperinci terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan pelajar dalam pemilihan destinasi pengajian mereka.

Menurut sarjana Mazzarol dan Soutar (2002), Teori "Push-Pull" *Factors* ini mengklasifikasikan proses pelajar antarabangsa membuat keputusan untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian di luar negara kepada tiga fasa seperti berikut:-



Selain itu juga, dalam kajian sarjana Mazzarol, Kemp dan Savery (1997) sebanyak enam faktor utama telah dikenalpasti dan berupaya mempengaruhi keputusan pelajar dalam pemilihan negara destinasi pengajian. Berikut merupakan 6 faktor utama yang terlibat.

- a) Pengetahuan dan kesedaran
- b) Rekomendasi peribadi
- c) Isu kos,
- d) Persekitaran
- e) Jaringan sosial dan;
- f) kedudukan geografi negara.

Kesemua faktor ini amat penting bagi memahami pengaruh-pengaruh yang memotivasikan pemilihan seseorang pelajar terhadap negara destinasi pengajian mereka.

Kaedah Penyelidikan

Bagi mengumpul data kajian yang dibincangkan dalam kertas konsep ini, kaedah kualitatif dirancang untuk digunakan dimana pendekatan temubual bersama responden akan dilaksanakan. Responden yang terdiri daripada 20 - 30 orang pelajar antarabangsa yang berasal dari pelbagai negara dan sedang menuntut di IPTA Malaysia. Maklumat terperinci bakal diperolehi melalui huraian dan penerangan tersendiri daripada responden berdasarkan faktor ekonomi berkaitan yang mempengaruhi keputusan mereka untuk memilih sesebuah negara dan institusi sebagai destinasi pengajian mereka. Seterusnya, rakaman dan catatan transkrip daripada temubual tersebut akan dianalisis secara tematik menggunakan pengkodan serta pengkategorian bagi mendapatkan maklumat yang kukuh dan boleh dipercayai.

Perbincangan

Secara keseluruhannya, faktor ekonomi dan kos amat mempengaruhi secara langsung dalam keputusan pemilihan destinasi pengajian pelajar di sesebuah institusi pengajian tinggi. Pelaksanaan pengecualian yuran pengajian dalam suatu program pendidikan di universiti dapat memberi manfaat tambahan bagi mereka dalam memilih institusi pengajian tinggi di luar negara. Namun demikian, majoriti pelajar antarabangsa merupakan mereka yang datang ke luar negara tanpa menerima sebarang tajaan, biasiswa ataupun pengecualian yuran. Oleh itu, negara yang mempunyai kos sara hidup yang rendah pastilah menjadi pilihan bagi pelajar yang tidak mempunyai bantuan kewangan yang besar (Landes, 2008; Parafianowicz, 2009; Petruzzellis dan Romanazzi, 2010; Herlina *et al.*, 2016).

Manakala, keadaan politik dalaman sesebuah negara seperti gelombang inflasi sesebuah negara juga dianggap sebagai faktor yang boleh memberi kesan terhadap pemilihan pelajar yang berminat untuk melakukan pekerjaan sambil semasa menuntut di sesebuah negara. Seperkara lagi, peluang untuk mendapatkan biasiswa dan bantuan kewangan yang ditawarkan oleh sesebuah universiti kepada pelajar yang mendaftar contohnya pelajar yang mempunyai prestasi akademik yang cemerlang merupakan pemangkin kepada keputusan untuk mereka memilih universiti tersebut (Maringe dan Carter, 2007). Sebahagian daripada universiti menawarkan biasiswa kepada pelajar yang datang dari negara ketiga sebagai ("*good will of the institution*") universiti tersebut terhadap pembangunan modal insan. Terdapat juga universiti yang sentiasa berusaha untuk mempromosi dan meningkatkan kadar kemasukan pelajar dengan menggunakan perkhidmatan ejen yang membawa masuk secara berkumpulan pelajar dari negara luar (Scott, 2000; Herlina *et al.* 2016). Kaedah tersebut memperlihatkan peningkatan statistik pendaftaran pelajar luar negara yang secara langsung bukan sahaja memberi keuntungan kepada universiti bahkan memberikan ruang bagi kumpulan pelajar tersebut mendapatkan p potongan yuran pengajian.

Kesimpulan

Tujuan khusus bagi kertas konsep ini adalah untuk memahami dan mengenalpasti faktor-faktor ekonomi yang berpengaruh dalam pembuatan keputusan untuk belajar di luar negara. Sumbangan utama kajian ini adalah untuk menyerlahkan kepentingan faktor-faktor signifikan

tersebut dan menghubungkaitkan dengan alternatif serta strategi pemasaran yang boleh dilaksanakan oleh universiti dalam mencapai status universiti bertaraf antarabangsa sekaligus meningkatkan kedudukan Malaysia di mata dunia.

Rujukan

- Bodycott, P. (2009). Choosing a Higher Education Study Abroad Destination – What Mainland Chinese Parents and Students Rates as Important. *Journal of Research in International Education*, Vol. 8(3), 349-373.
- Bourke, A. (2000). A Model of the Determinants of International Trade in Higher Education. *The Service Industries Journal*, 20 (1) 110-138.
- Broman, F. (2000). Overseas Teaching Jobs Increase Substantially. *The International Educator's Institute*, Cummaquid, MA.
- Cubillo, J.M., Sánchez, J., and Cerviño, J (2006) International Students' Decision-Making Process. *International Journal of Educational Management*, Vol. 20(2), 101-115. 49
- Douglas W. N, Jennifer P.B, Carolyn B. M (2008). Factors Influencing Study Abroad Decisions Among College of Business Students. *International Business: Research Teaching and Practice* 2008 2(1)
- Guibourg, C. (2011). New Fees Prompt Fears of Cuts At Swedish Universities. *The Local – Sweden's News in English*. <http://www.thelocal.se/20110822/35690> [Diakses pada 4 Januari 2017]
- Gardner, D. & Witherell, S. (2005) Open Doors 2005: U.S. students studying abroad: U.S. study abroad increases by 9.6%, continues record growth. *Institute of International Education, Open Doors Report*, (Nov. 14)
- Herlina J., Irma wani O, Muhammad Safuan Y., Hasbullah A. (2016) Faktor Mempengaruhi Keputusan Pelajar Antarabangsadalam Pemilihan Destinasi Pengajian Luar Negara *International Conference on Social and Economic Development*
- Judith Eder, Wayne W. Smith, Robert E.Pitts (2010). Exploring Factors Influencing Student Study Abroad Destination Choice. *Journal of Teaching in Travel and Tourism* 10(3):232-250
- Khawaja, Nigar G, Stallman, Helen (2011). Understanding the coping strategies of international students : a qualitative approach. *Australian Journal of Guidance and Counselling*, 21(2), pp. 203-224.
- Kwok Tong Soo, Caroline Elliott (2008). Price Doesn't Matter: Overseas students in UK Higher Education. *The Department of Economics. (Economics Working Paper Series)*
- Li YR and Kaye M (1998). Understanding overseas students' concerns and problems. *Journal of Higher Education Policy and Management* 20(1): 41–50. [Diakses pada 7 Julai 2016]
- Maringe, F. (2006). University and Course Choice: Implications for Positioning, Recruitment and Marketing. *International Journal of Educational Management*, Vol. 20(6), 466-479.
- Mazzarol, T., & Soutar, G. (2002). Push, pull factors influencing international students destination choice. *International Journal of Educational Management*, 16(2), 82–90.)
- Muhammad Safuan Y., Irma Wani O., Norazah M. S, Rudy Adie R (2015). Kerjaya dan Ekonomi Sebagai Motif Ekspatriasi Ekspatriat Akademik di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, Vol. 9, 2015, pp. 36-47 [Diakses pada 31 Disember 2016]
- Landes, D. 2008. Paper Study College Fee for Non-Europeans. *The Local - Sweden's News in English*. <http://www.thelocal.se/12702/20080627/>

- Luca Petruzzellis, Salvatore Romanazzi (2010). Education Value: How Students Choose University: Evidence from an Italian University
- Parafianowicz, L. (2009). Foreign Student Fees Delayed Until 2011. *The Local - Sweden's News In English*. <http://www.thelocal.se/19410/20090512/>
- Pimpa, N. 2003. The Influence of Family on Thai Students' Choices Of International Education. *International Journal of Educational Management*, Vol. 17(5), 211-219.
- Price, Fides Matzdorf, Louise Smith, Helen Agahi, (2003) The impact of facilities on student choice of university, *Facilities*, Vol. 21 Issue: 10, pp. 212-222,
- Poyrazlı S and Lopez MD (2007) An exploratory study of perceived discrimination and homesickness: A comparison of international students and American students. *The Journal of Psychology* 141(3):263–280.
- Shanka, T., Quintal, V., and Taylor, R. 2005. Factors Influencing International Students' Choice of an Education Destination- A Correspondence Analysis, *Journal of Marketing for Higher students- Education*, 15(2), 31-46.
- Sherry M, Thomas P and Chui WH (2010) International students: A vulnerable student population. *Higher Education* 60(1): 33–46.
- Tharenou, P. 2010. Identity and Global Mobility. *The Psychology of Global Mobility*. 105-123.